

STAMP ASSESSMENT AND PAYMENT SYSTEM (STAMPS)

SISTEM TAKSIRAN DAN PEMBAYARAN SETEM YANG DIBANGUNKAN BAGI MEMBOLEHKAN PROSES PENYETEMAN DIBUAT SECARA DALAM TALIAN.

MULAI 11 SEPTEMBER 2023, PENGGUNA YANG MENGHANTAR PERMOHONAN PENYETEMAN MELALUI STAMPS AKAN MENERIMA STATUS PERMOHONAN PENYETEMAN IAITU :

- HASIL PROSES
- DITOLAK HASIL
- HANTAR SEMULA KE HASIL
- SEDIA UNTUK BAYARAN DUTI
- SEDIA UNTUK BAYARAN FI
- DUTI DIKECUALIKAN

SILA PASTIKAN PENERIMAAN E-MEL ADALAH DARIPADA DUTI SETEM HASIL
(stamps@hasil.gov.my)

MAKLUMAT LANJUT BOLEH DIPEROLEH DARIPADA MYTAX, <https://mytax.hasil.gov.my/>
> PERKHIDMATAN ezHASIL > STAMPS

1. e-INVOIS

e-Invois merupakan representasi dalam bentuk digital bagi transaksi yang dilaksanakan antara penjual dan pembeli. e-Invois menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik seperti dalam format PDF, JPEG, DOC dan lain-lain.

e-Invois mengandungi maklumat penting yang sama seperti dokumen tradisional, contohnya, butiran penjual dan pembeli, keterangan item, kuantiti, harga tanpa cukai, cukai dan jumlah keseluruhan, yang merekodkan data transaksi untuk operasi perniagaan harian.

Pelaksanaan e-Invois akan meningkatkan kecekapan dan melancarkan operasi perniagaan pembayar cukai serta meningkatkan tahap pematuhan cukai. Manfaat e-Invois termasuklah :

- i) Mengurangkan proses manual dan kesilapan,
- ii) Memudahkan pengemukaan borang nyata,
- iii) Meningkatkan kecekapan operasi, dan
- iv) Mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan.

Maklumat lanjut berhubung e-Invois boleh diakses melalui pautan www.hasil.gov.my di bawah menu Pautan Popular.

2. SKIM PERSARAAN SWASTA

Skim Persaraan Swasta (SPS) diperkenalkan oleh kerajaan bagi menggalakkan rakyat meningkatkan tabungan persaraan untuk hari tua yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Ia bertujuan untuk meningkatkan pilihan yang ada untuk semua rakyat Malaysia, sama ada bergaji atau bekerja sendiri, untuk menambah simpanan persaraan mereka dalam persekitaran yang berstruktur dan dikawal selia.

Ciri-ciri SPS :

- i) Ia adalah satu skim pelaburan jangka panjang secara sukarela yang menawarkan pelbagai jenis dana untuk memenuhi profil risiko yang berbeza,
- ii) Ia beroperasi sebagai satu skim unit amanah dengan pemegang amanah untuk memastikan aset dana diasingkan daripada penyedia SPS. Dana di bawah SPS akan diuruskan secara profesional oleh penyedia SPS untuk memenuhi objektif persaraan pelabur,
- iii) SPS terbuka kepada semua individu yang berumur 18 tahun ke atas,
- iv) Tiada jumlah tertentu atau tempoh tertentu yang ditetapkan untuk mencarum kepada dana SPS. Ini bermakna caruman adalah fleksibel bergantung kepada keupayaan kewangan pelabur; dan
- v) Pilihan untuk menukar dana dalam satu SPS yang diuruskan oleh penyedia SPS yang sama dibolehkan pada bila-bila masa. Pilihan untuk bertukar kepada penyedia SPS lain dibolehkan sekali dalam satu tahun kalendar dengan syarat bahawa pelabur itu telah menyertai dana SPS tersebut selama satu tahun.

Bacaan lanjut berhubung SPS boleh diperoleh daripada Ketetapan Umum No. 9/2021: Skim Persaraan Swasta melalui Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Perundangan > Ketetapan Umum.

3. GALAKAN PENGGUNAAN e-WHT BAGI BAYARAN CUKAI PEGANGAN

Borang Cukai Pegangan secara elektronik (e-WHT) telah diperkenalkan mulai 1 Januari 2023 bagi memudahkan pembayaran cukai pegangan. e-WHT ini merupakan salah satu e-Perkhidmatan Percukaian yang diwajibkan penggunaannya secara dalam talian mulai 1 September 2023 secara berperingkat.

Pembayaran Cukai Pegangan menerusi e-WHT akan menggunakan Nombor Bil sebagai rujukan bayaran yang boleh dibuat melalui kaedah FPX di Portal Bayaran HASiL (ByrHASiL) atau boleh dicapai di Portal MyTax <https://mytax.hasil.gov.my>. e-WHT juga membolehkan bukti penerimaan bayaran terus dikeluarkan dan data diterima secara terus oleh HASiL sebaik sahaja bayaran dilakukan.

Maklumat lanjut berhubung e-WHT boleh dilihat melalui MyTax di bawah menu Perkhidmatan ezHASiL.

4. INFO PKPS 2.0 : TAHUN TAKSIRAN TERLIBAT

Pengakuan sukarela boleh dibuat mengikut pembayar cukai yang layak dan tahun taksiran terlibat adalah seperti berikut :

- i) Bagi pembayar cukai baharu, pelaporan pendapatan adalah bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang,
- ii) Bagi pembayar cukai sedia ada yang pernah melaporkan pendapatan kepada HASiL, tahun taksiran yang terlibat adalah tahun taksiran 2021 dan ke belakang; dan
- iii) Bagi Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), pelaporan pelupusan aset adalah bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.

Maklumat lanjut berhubung PKPS 2.0 boleh diperoleh daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Pautan Popular.

INISIATIF PENDIGITALAN PERKHIDMATAN HASIL

Bagi tujuan pembayaran cukai, HASiL amat menggalakkan pembayar cukai untuk menggunakan kaedah-kaedah pembayaran secara dalam talian yang telah disediakan bagi memastikan transaksi yang dilakukan adalah selamat, teratur dan diproses dengan pantas.

HASiL turut memahami bahawa terdapat beberapa e-Perkhidmatan yang memerlukan pelanjutan masa untuk diperhalusi. Oleh itu, berikut merupakan e-Perkhidmatan yang belum diwajibkan, tetapi digalakkan penggunaannya secara dalam talian :

- i) e-CKHT : Aplikasi ini membolehkan semua kategori pembayar cukai membuat pengisian dan penghantaran Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) secara dalam talian bagi **tahun taksiran 2021 dan ke atas**,
- ii) e-Permohonan Pindaan BE : Aplikasi ini membolehkan **pembayar cukai individu** membuat permohonan pindaan bagi kes terlebih melaporkan pendapatan atau terkurang menuntut pelepasan yang dibenarkan semasa mengemukakan e-Borang dalam tempoh di bawah Seksyen 131 ACP 1967; dan
- iii) e-CP22 : Aplikasi ini membolehkan majikan mengemukakan borang pemberitahuan bagi pekerja baharu kepada HASiL secara dalam talian.

Sila layari Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > e-Perkhidmatan bagi maklumat lanjut.